

Pelantikan Wasi Dalam Pengurusan Harta Pusaka Islam: Analisis Sikap Dan Dorongan Sosial Berdasarkan Demografi

Mohd Musa Bin Sarip

Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
mmusasarip@gmail.com

Mohamad Sabri Haron

Pusat Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia
sabrie@ukm.my

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan sikap dan dorongan sosial ke atas pelantikan wasi dalam kalangan pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berdasarkan faktor demografi iaitu jantina, umur dan status perkahwinan. Kajian ini merupakan kajian eksploratori menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian telah digunakan. Seramai 566 orang pencarum beragama Islam di negeri Selangor dijadikan sampel kajian secara bertujuan (purposive). Data diproses dan dianalisis menggunakan perisian Statistik IBM SPSS versi 20. Sikap terhadap pelantikan wasi telah mengandungi tiga elemen iaitu sikap penerimaan kebaikan, sikap bertanggungjawab dan sikap teknikal. Manakala dorongan sosial dipecahkan kepada tiga elemen iaitu dorongan prima, dorongan pasangan dan dorongan luaran. Hasil dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan sikap dan dorongan sosial terhadap pelantikan wasi yang signifikan dalam kalangan pencarum Muslim berdasarkan jantina. Bagaimanapun hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa terdapat perbezaan sikap dan dorongan sosial terhadap pelantikan wasi yang signifikan berdasarkan status perkahwinan. Pencaurum Muslim yang berkahwin mempunyai sikap dan dorongan sosial yang lebih positif untuk melakukan pelantikan wasi berbanding pencaurum yang masih bujang. Hal ini mungkin didorong dengan adanya pengalaman dan sumber maklumat yang luas dalam kalangan pencaurum Muslim yang berkahwin, selain faktor pemilikan anak dan tahap kesihatan yang membimbangkan.

Kata Kunci: Wasiat, Pelantikan Wasi, Harta Penama, Sikap, Dorongan Sosial

1. PENGENALAN

Sistem pelantikan wasi merupakan suatu kaedah yang digunakan bagi memudahkan urusan pentadbiran harta seseorang selepas kematiannya. Sistem ini telah menjadi amalan di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sejak sekian lama sama ada untuk yang beragama Islam atau bukan Islam. Amalan pelantikan wasi tiada dinyatakan di dalam Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 tetapi penjelasan kuasa mengadakan sistem penamaan ada disebutkan secara umum. Penjelasan tambahan berkaitan penamaan ada disebutkan dalam peraturan-

peraturan dan kaedah-kaedah KWSP sebagai panduan kepada pencarum beragama Islam dan bukan Islam. Secara khusus, Seksyen 9(2) dalam Peraturan-Peraturan KWSP 2001 memperincikan bahawa pencarum KWSP yang beragama Islam penama adalah dianggap wasi atau pentadbir harta dan harta penama merupakan harta pusaka si mati. Seksyen ini juga selari dengan keputusan fatwa peringkat kebangsaan yang telah dikeluarkan pada tahun 1973 dan 2000.

2. PELANTIKAN WASI MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Dalam tasawur Islam, pelantikan wasi merupakan salah satu amalan yang dituntut ke atas umat Islam untuk dilaksanakan dalam muamalat kehartaan khususnya. Wasi atau pentadbir harta merupakan individu dilantik menerusi konsep wisoyah dengan pemberian amanah yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan sesuatu perkara selepas kematiannya (Ezani Yaakub 2006). Kepentingan melantik wasi dapat dilihat melalui pensyariatannya menerusi al-Qur'an, al-Sunnah dan amalan para sahabat yang menunjukkan keutamaan dan menjanjikan ganjaran pahala dalam melaksanakannya. Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud:

“Kamu diwajibkan, apabila seseorang dari kamu hampir mati, jika ia ada meninggalkan harta, (hendaklah ia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik (menurut peraturan agama), sebagai suatu kewajipan atas orang-orang yang bertaqwa” (Surah al-Baqarah 2: 180).

Selain itu, agama Islam adalah agama bersifat kasih sayang, cintakan kebajikan dan tolong menolong serta menolak kemudaratan. Maka ia menyeru setiap umat Islam melakukan amalan yang boleh membantu insan lain untuk memperoleh manfaat dan kebajikan pada muamalat kehartaan yang ditinggalkan selepas kematiannya. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

‘...Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya)’ (Surah al-Ma'idah 5: 2).

Perkara ini dikuatkan lagi dengan amalan para sahabat melantik wasi sebelum mereka bermusafir khususnya sebelum pergi berperang antaranya Saidina Uthman, al-Miqdad dan Abdul Rahman bin Auf telah membuat wisoyah dengan melantik Zubair Ibn al-Awwam untuk menjaga harta dan memberi nafkah kepada anak-anak mereka. Selain itu, tujuan wasi di lantik dalam kalangan para sahabat adalah untuk melunaskan hutang, mengembalikan barang pinjaman serta memelihara waris yang ditinggalkan. Begitu juga dalam peperangan Muktah, Rasulullah s.a.w. telah mengamanahkan Zaid bin Harithah supaya memegang bendera. Sekiranya sesuatu berlaku kepada Zaid, maka ia diganti oleh Ja'far, kemudian kepada Abdullah bin Rawahah jika Ja'far gugur (Naziree bin Md Yusof 2008). Ha ini dianggap penting kerana semasa peperangan adalah

melibatkan risiko yang tidak dijangka, maka langkah berwaspada adalah amat perlu bagi memastikan kesinambungan muamalat kerhataan khususnya itu terus berjalan.

Oleh itu, beberapa kepentingan melantik wasi sebagai pentadbir harta selepas berlaku kematian ialah dapat memudahkan dan mempercepatkan urusan pengagihan harta pusaka kepada waris-waris yang ditinggalkan. Proses pengagihan harta pusaka akan mengambil kira perkara-perkara yang berkaitan dengan hutang-piutang si mati sama ada hutang kepada Allah dan hutang kepada manusia, membahagikan hak-hak harta sepencarian pasangan serta menunaikan wasiat sekiranya ada sebelum pengagihan harta dilakukan secara faraid. Selain itu, mampu menunaikan hajat pemilik harta dan mengelakkan berlakunya tuntutan harta tertunggak kerana melibatkan prosedur-prosedur dokumen tuntutan yang rumit dan berbeza serta mengambil masa yang agak lama (Jasni Sulong 2011).

3. AMALAN PELANTIKAN WASI DALAM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

Dalam konteks pelantikan wasi di KWSP, didapati penglibatan pencarum terhadap pelaksanaan sistem pelantikan ini masih di peringkat yang rendah (Jasni Sulong 2011). Menurut laporan oleh KWSP, pada tahun 2003 hanya kira-kira 30.8 peratus iaitu 3.2 daripada 10.4 juta hali sahaja yang telah membuat pelantikan terhadap caruman masing-masing (News Straits Time 9 November 2003). Manakala menurut Hizwani Hassan dalam nukilan Suhaida Abu Bakar (2010) pada tahun 2009 pula dicatatkan masih sekitar 30 peratus sahaja yang telah mempunyai penama berbanding lebih 11 juta pencarum KWSP yang berdaftar. Didapati juga sehingga Oktober 2012 hanya seramai 3.4 juta daripada lebih 13 juta pencarum KWSP mempunyai penama iaitu dianggarkan hanya 26 peratus pencarum yang telah menamakan penama ke atas wang simpanan persaraan mereka (Farizan Kamaluddin 2012).

Secara teorinya, fenomena pelantikan wasi yang rendah adalah disebabkan oleh beberapa faktor antaranya faktor sikap dan faktor dorongan sosial terhadap penulisan dokumen wasiat (Muhamad Muda et al. 2008; Suhaili Alma'amum 2010). Amalan berwasiat merupakan suatu akad muamalah kehartaan yang penting adalah wajar untuk diterokai secara komprehensif dan menyeluruh. Kajian-kajian lalu tentang sikap dan dorongan sosial terhadap berwasiat dan juga wisayah terutamanya berdasarkan aspek demografi adalah kurang dan terbatas. Oleh yang demikian, kajian ini adalah bertujuan untuk mendalami pengaruh demografi ke atas faktor-faktor sikap dan dorongan sosial terhadap amalan pelantikan wasi dalam kalangan pencarum KWSP beragama Islam. Adakah faktor-faktor sikap dan dorongan sosial terhadap amalan pelantikan wasi terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan faktor pemboleh ubah tidak bersandar jantina, umur dan status perkahwinan yang berbeza? Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi kefahaman yang menyeluruh tentang pengaruh jantina, umur dan status perkahwinan terhadap faktor-faktor sikap dan dorongan sosial terhadap pelantikan wasi yang sebenar.

Dalam Teori Tindakan Beralasan oleh Ajzen dan Fishbean (1980), menjangkakan bahawa faktor sikap dan dorongan sosial mampu mendorong seseorang untuk bertingkah laku.

Sikap merupakan suatu keadaan persediaan bagi kelakuan atau pendirian untuk bertindak terhadap objek sikap seperti bertingkah laku. Satu aspek lain yang wujud dalam sikap juga adalah kuasa motivasi atau desakan yang terdapat dalam sikap terhadap kelakuan. Kuasa desakan ini dapat mempengaruhi tingkah laku seseorang (Mohd Salleh Leban 1994). Manakala menurut Ajzen (2005), sikap merupakan penilaian menguntungkan (*favorable*) atau tidak menguntungkan (*unfavorable*) seseorang terhadap sesuatu objek sikap yang khusus. Sikap yang positif terhadap sesuatu tingkah laku akan menghasilkan kesediaan yang positif dan seterusnya mendorong kepada pelaksanaan tingkah laku tersebut. Oleh itu, sikap terhadap pelantikan wasi ini mengandungi tiga elemen iaitu sikap penerimaan kebaikan, sikap bertanggungjawab dan sikap teknikal yang berkaitan dengan sistem pelantikan wasi di KWSP.

Manakala dorongan sosial pula merujuk kepada persepsi seseorang ke atas persetujuan individu atau kumpulan tertentu bagi perlakuan sesuatu tingkah laku. Bahkan, sejauh mana individu tersebut terdorong untuk mengikut atau akur terhadap pandangan individu atau kumpulan sosial terbabit (Ajzen 1991). Hal ini menunjukkan bahawa dorongan sosial merupakan suatu kepercayaan seseorang dipengaruhi oleh persekitaran yang wujud disekelilingnya. Jika kumpulan rujukan bersetuju dengan pelaksanaan sesuatu tingkah laku, maka ia akan mencetuskan persepsi positif sekaligus memotivasikan seseorang untuk turut melaksanakan tingkah laku tersebut. Motivasi ini tercetus sama ada dalam bentuk persetujuan, pendapat, sokongan atau nasihat daripada kumpulan rujukan tersebut. Oleh itu, dorongan sosial terhadap pelantikan wasi terkandung kepada tiga elemen iaitu dorongan prima (ibu bapa), dorongan pasangan (suami/isteri) dan dorongan luaran (rakan-rakan dan guru agama).

Faktor-faktor sikap dan dorongan sosial terhadap tingkah laku yang positif dijangka memberikan kesan motivasi yang baik untuk melaksanakan pelantikan wasi. Oleh itu, pelantikan wasi benar-benar dapat dilakukan jika seseorang mempunyai sikap yang positif terhadapnya dan sekiranya dorongan sosial juga seperti rakan dan pasangan memberikan pengaruh yang positif. Manakala, faktor demografi pula merupakan pemboleh ubah luaran (*external variables*) yang dipercayai mempunyai hubungan secara tidak langsung terhadap sesuatu tingkah laku kerana kesannya terhadap tingkah laku didapati tidak konsisten. Namun faktor demografi mempunyai hubungan yang signifikan ke atas sikap dan pengaruh sosial terhadap sesuatu tingkah laku (Ajzen & Fishbein 1980). Pemboleh ubah demografi dikategorikan kepada beberapa pemboleh ubah seperti umur, jantina, pekerjaan, status sosioekonomi, agama dan pendidikan.

Berdasarkan kepada kajian-kajian yang telah dijalankan dalam aspek penulisan dokumen perancangan harta perwarisan, didapati bahawa sikap dan dorongan sosial terhadap penulisan dokumen tertentu mempunyai hubungan yang signifikan dengan faktor demografi seperti kajian oleh Rowlingson dan McKay (2005), Horkey (2009), Suhaili Alma'amun (2012) dan Horkey dan Hayhoe (2007). Kajian rintis oleh Horkey dan Hayhoe (2007) berkenaan hubungan faktor demografi dengan penulisan dokumen perancangan harta perwarisan telah dijalankan. Dapatan kajian mendapati bahawa faktor umur dan status perkahwinan memberikan pengaruh yang signifikan terhadap penulisan dokumen wasiat. Manakala kajian yang dilakukan oleh Edwards (1991), berkenaan perancangan harta pusaka yang melibatkan seramai 145 responden di Utah,

Amerika Syarikat. Hasil kajian mendapati bahawa tiada terdapat hubungan yang signifikan pengetahuan penulisan dokumen wasiat berdasarkan jantina.

Begitu juga, kajian yang dijalankan oleh Rowlingson dan McKay (2005) didapati faktor jantina dan umur mempunyai pengaruh terhadap amalan penulisan dokumen wasiat dalam kalangan masyarakat di United Kingdom. Hasil kajian mendapati bahawa perempuan lebih cenderung untuk memiliki wasiat berbanding lelaki terhadap amalan penulisan dokumen wasiat. Hal ini lebih terdorong untuk membuat wasiat jika sekiranya mereka telah mempunyai seorang anak atau lebih. Selain itu, penduduk yang berumur dewasa dan ke atas juga adalah lebih banyak terlibat dalam memiliki dokumen wasiat berbanding mereka yang masih muda. Kajian yang dijalankan oleh Suhaili Alma'amun (2012) di Semenanjung Malaysia menunjukkan bahawa fasa umur yang berbeza antara 18 hingga 25 tahun, 26 hingga 40 tahun, 41 hingga 56 tahun dan 57 tahun ke atas dicatatkan didapati semakin bertambah mengikut perbezaan umur muda hingga ke umur tua adalah signifikan pada aras lima peratus terhadap penulisan dokumen wasiat. Walau bagaimanapun, kajian yang dilakukan oleh Horkey (2009) mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor umur dengan keinginan untuk membuat wasiat dalam kalangan masyarakat yang berumur 50 tahun ke atas.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Brooker (t.th) mendapati bahawa orang berkahwin, janda atau duda lebih suka untuk memiliki dokumen wasiat berbanding orang yang masih bujang. Kajian yang dijalankan oleh Palmer et al. (2006) juga memperolehi bahawa hubungan sikap terhadap tahap kesihatan dengan penulisan dokumen wasiat berhubungan secara signifikan berdasarkan status perkahwinan. Mereka yang sudah bercerai iaitu kematian pasangan didapati lebih suka untuk mempunyai dokumen wasiat berbanding mereka yang berkahwin. Walau bagaimanapun, hasil kajian yang dilakukan oleh Suhailim Alma'amun (2012) mendapati sebaliknya iaitu tiada perbezaan yang signifikan diperolehi di antara mereka. Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Horkey (2009) juga mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara status perkahwinan dengan keinginan untuk membuat wasiat dalam kalangan masyarakat yang berumur 50 tahun ke atas.

Oleh itu, tiga faktor pemboleh ubah tidak bersandar iaitu jantina, umur dan status perkahwinan pencarum telah dipilih dalam kajian ini. Kajian ini bertujuan untuk mendapat kefahaman tentang perbezaan sikap dan dorongan sosial terhadap pelantikan wasi dalam kalangan pencarum KWSP berdasarkan kategori jantina, umur dan status perkahwinan yang berbeza. Kajian ini cuba menjawab persoalan kajian ini berikut:

1. Apakah terdapat perbezaan sikap terhadap pelantikan wasi yang signifikan berdasarkan jantina pencarum KWSP?
2. Adakah terdapat perbezaan dorongan sosial terhadap pelantikan wasi yang signifikan berdasarkan jantina pencarum KWSP?

3. Apakah terdapat perbezaan sikap terhadap pelantikan wasi yang signifikan berdasarkan umur pencaharum KWSP?
4. Adakah terdapat perbezaan dorongan sosial terhadap pelantikan wasi yang signifikan berdasarkan umur pencaharum KWSP?
5. Apakah terdapat perbezaan sikap terhadap pelantikan wasi yang signifikan berdasarkan status perkahwinan pencaharum KWSP?
6. Adakah terdapat perbezaan dorongan sosial terhadap pelantikan wasi yang signifikan berdasarkan status perkahwinan pencaharum KWSP?

4. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan tinjauan yang menggunakan soal selidik untuk memperolehi profil umur dan status perkahwinan pencaharum serta persepsi mereka terhadap sikap dan dorongan sosial ke atas pelaksanaan pelantikan wasi di KWSP. Sampel kajian dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive*) dengan mengambil kira kajian ini merupakan penerokaan awal dalam bidang wasiat dan wisayah seta sampel yang terpilih merupakan pencaharum KWSP yang beragama Islam serta tinggal di negeri Selangor (Neuman 2000). Jumlah keseluruhan sampel ialah seramai 566 orang yang terdiri daripada 217 orang lelaki dan 339 orang perempuan.

Data tentang persepsi pencaharum dikumpulkan dengan menggunakan instrumen soal selidik. Item-item soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu bahagian (a) adalah demografi responden, bahagian (b) sikap terhadap pelantikan wasi dan bahagian (c) dorongan sosial terhadap pelantikan wasi. Bahagian (a) mempunyai dua item, manakala bahagian (b) pula mempunyai 13 item dan bahagian (c) terdapat 12 item keseluruhannya. Pemboleh ubah sikap dan dorongan sosial diukur dalam bentuk skala likert iaitu sangat tidak setuju (1), tidak setuju (2), tidak pasti (3), setuju (4) dan sangat setuju (5). Ujian Cronbach Alpha digunakan untuk menentukan indeks kebolehpercayaan instrumen kajian. Nilai Cronbach Alpha bagi kedua-dua instrumen adalah tinggi. Bagi instrumen sikap terhadap pelantikan wasi kebolehpercayaan Cronbach Alpha adalah 0.887. Manakala nilai Cronbach Alpha bagi instrumen dorongan sosial adalah 0.936. Menurut Hair et al. (2006), kebolehpercayaan instrumen yang baik berdasarkan nilai Cronbach Alpha 0.70 atau lebih menunjukkan bahawa item-item adalah konsisten dengan konsep yang diukur dan boleh dipercayai.

Data kajian dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif digunakan untuk melihat perbezaan skor min sikap dan dorongan sosial berdasarkan jantina, umur dan status perkahwinan pencaharum. Manakala, statistik inferensi iaitu analisis ujian-t dan

ANOVA sehalu digunakan untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam faktor-faktor demografi yang dijangkakan boleh mempengaruhi sikap dan dorongan sosial dalam kalangan pencarum Muslim KWSP. Analisis data menggunakan program perisian Statistik IBM SPSS versi 20.

5. DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini pula melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dari segi sikap terhadap, norma sosial dan kecenderungan tingkah laku pelantikan wasi berdasarkan jantina, umur dan status perkahwinan ditetapkan. Bahagian ini akan menjawab persoalan kajian mengikut pemboleh ubah seperti yang dibincangkan di bawah:

Soalan 1: Apakah terdapat perbezaan sikap terhadap pelantikan wasi yang signifikan berdasarkan jantina pencarum KWSP?

Hasil keputusan ujian-t dibentangkan dalam Jadual 1 di bawah. Analisis ujian-t menunjukkan nilai $t = 0.49$, $p > 0.05$. Keputusan ini menunjukkan nilai p yang tidak signifikan ($p = 0.961$, $p > 0.05$) bagi perbezaan sikap responden berdasarkan jantina. Ini bermakna tiada perbezaan yang signifikan di antara pencarum lelaki ($\text{min} = 4.10$, $s.p = 0.48$) dan pencarum perempuan ($\text{min} = 4.10$, $s.p = 0.45$) dari segi sikap responden terhadap pelantikan wasi. Tiada perbezaan min di antara kedua kumpulan ini dicatatkan.

JADUAL 1: Hasil Ujian-t Bagi Perbezaan Sikap Terhadap Pelantikan Wasi Berdasarkan Jantina

Jantina	N	Min	S.P	Nilai t	Sig. P
Lelaki	217	4.10	0.481	0.49	0.961
perempuan	339	4.10	0.450		

Signifikan pada aras $p < 0.05$

Analisis seterusnya melihat perbezaan berdasarkan jantina bagi pemboleh ubah kedua iaitu dorongan sosial. Persoalan kajian adalah seperti berikut:

Soalan 2: Apakah terdapat perbezaan dorongan sosial terhadap pelantikan wasi yang signifikan berdasarkan jantina pencarum KWSP?

Hasil ujian-t bagi menguji perbezaan skor min dorongan sosial terhadap pelantikan wasi berdasarkan jantina yang berbeza dipaparkan dalam Jadual 2 di bawah. Hasil analisis ujiat-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan ($p = 0.090$, $p > 0.05$) dorongan sosial antara pencarum lelaki ($\text{min} = 3.77$, $s.p = 0.59$) dengan pencarum perempuan ($\text{min} = 3.87$, $s.p = 0.64$). Perbezaan min bagi kedua kumpulan ini adalah kecil iaitu hanya .10.

JADUAL 2 Hasil Ujian-t Bagi Perbezaan Norma Sosial Berdasarkan Jantina

Jantina	N	Min	S.P	Nilai t	Sig. P
Lelaki	217	3.77	0.590	-1.696	0.090
Perempuan	339	3.87	0.648		

Signifikan pada aras $p < 0.05$

Soalan 3: Apakah terdapat perbezaan sikap terhadap pelantikan wasi yang signifikan berdasarkan jantina penjarum KWSP?

Untuk mengenal pasti persoalan kajian di atas, ujian ANOVA sehala telah dilaksanakan seperti dalam Jadual 3 di bawah. Hasil keputusan menunjukkan nilai p bagi sikap terhadap pelantikan wasi adalah signifikan ($F(3,552)=5.950$, $p= 0.00$, $p < 0.05$). Ini bermakna secara statistiknya menunjukkan terdapat perbezaan sikap terhadap pelantikan wasi berdasarkan umur yang berbeza dalam kalangan responden.

JADUAL 3: Keputusan Ujian ANOVA sehala Bagi Perbezaan Sikap Terhadap Pelantikan Wasi Berdasarkan Umur

Punca Variasi	JKD	dk	MKD	F	Sig. P
Sikap					
Antara Kumpulan	3.706	3	1.235	5.950	.001*
Dalam Kumpulan	114.620	552	.208		
Jumlah	118.327	555			

* Signifikan pada aras $p < 0.05$

Bagi menentukan umur yang manakah berbeza serta menyumbang kepada perbezaan ini, ujian post-hoc LSD telah dilaksanakan seperti dalam Jadual 4 di bawah. Hasil ujian post-hoc menunjukkan bahawa perbezaan signifikan bagi sikap responden disumbangkan oleh responden berumur 30 tahun ke bawah ($\min=4.01$, $s.p=0.47$) dengan responden berumur 31 hingga 40 tahun ($\min=4.14$, $sp.=0.45$). Hasil ujian ini juga menunjukkan perbezaan yang signifikan sikap terhadap pelantikan wasi oleh responden berumur 30 tahun ke bawah ($\min=4.01$, $s.p=0.47$) dengan responden berumur 41 hinggan 50 tahun ($\min=4.21$, $s.p=0.43$), begitu juga dengan responden berumur 51 tahun ke atas ($\min=4.30$, $s.p=0.37$). Dapatan ini menunjukkan secara keseluruhannya, sikap responden terhadap pelantikan wasi bertambah baik dan positif dengan bertambahnya umur responden (Lihat Jadual 5).

JADUAL 4: Hasil Ujian Post-Hoc LSD Bagi Perbezaan Sikap Terhadap Pelantikan Wasi Berdasarkan Umur

Umur	Umur	Perbezaan Min	Ralat Piawai	Sig. P
30 tahun ke bawah	31 - 40 tahun	-.127*	.042	.003
	41 - 50 tahun	-.201*	.063	.002
	51 ke atas	-.294*	.115	.011
31 - 40 tahun	30 tahun ke bawah	.127*	.042	.003
41 - 50 tahun	30 tahun ke bawah	.201*	.063	.002
51 ke atas	30 tahun ke bawah	.294*	.115	.011

*Signifikan pada aras $p < 0.05$

JADUAL 5: Taburan Tahap Sikap Terhadap Pelantikan Wasi Berdasarkan Umur Pencarum

	Umur	Bilangan (N)	Skor Min	Sisihan piawai
Sikap	30 tahun ke bawah	225	4.01	.472
	31 - 40 tahun	246	4.14	.452
	41 - 50 tahun	68	4.21	.431
	51 ke atas	17	4.30	.373
	Jumlah	556	4.10	.462

Kajian ini seterusnya mengenal pasti sama ada wujud perbezaan yang signifikan dari segi dorongan sosial berdasarkan umur responden yang berbeza. Untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan ini, ujian ANOVA sehalu dilaksanakan untuk persoalan kajian di bawah:

Soalan 4: Apakah terdapat perbezaan dorongan sosial terhadap pelantikan wasi yang signifikan berdasarkan umur pencarum KWSP?

Hasil analisis ANOVA sehalu seperti dalam Jadual 6 di bawah. Hasil ujian ini mendapati nilai p yang tidak signifikan ($F(3,552) = 1.174$, $p = 0.31$, $p > 0.05$) bagi pemboleh ubah dorongan sosial. Oleh itu, keputusan ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan persepsi norma sosial dalam kalangan responden berdasarkan umur. Secara keseluruhannya, perbezaan min bagi setiap kategori umur adalah terlalu kecil. Jadual 7 menunjukkan tahap dorongan sosial terhadap pelantikan wasi yang diterima oleh responden berumur 30 tahun ke bawah (min=3.80, s.p=0.63) lebih rendah berbanding skor min responden berumur 31 hingga 40 tahun (min=3.85,

s.p=0.61). Manakala responden yang 51 tahun ke atas (min=4.08, s.p=0.49) mempunyai skor min lebih tinggi berbanding responden berumur 41 hingga 50 tahun (min=3.83, s.p=0.66).

JADUAL 6: Keputusan Ujian ANOVA sehalu Bagi Perbezaan Persepsi Dorongan Sosial Berdasarkan Umur

Punca Variasi	JKD	dk	MKD	F	Sig. P
Dorongan Sosial					
Antara Kumpulan	1.384	3	.461	1.174	.319
Dalam Kumpulan	216.855	552	.393		
Jumlah	218.239	555			

Signifikan pada aras $p < 0.05$

JADUAL 7: Taburan Dorongan Sosial Terhadap Pelantikan Wasi Berdasarkan Umur Pencarum

	Umur	Bilangan (N)	Skor Min	Sisihan piawai
Dorongan Sosial	30 tahun ke bawah	225	3.80	.632
	31 - 40 tahun	246	3.85	.618
	41 - 50 tahun	68	3.83	.668
	51 ke atas	17	4.08	.498
	Jumlah	556	3.83	.627

Persoalan kajian yang berikutnya adalah:

Soalan 5: Apakah terdapat perbezaan sikap terhadap pelantikan wasi yang signifikan berdasarkan status perkahwinan pencarum KWSP?

Hasil analisis ANOVA sehalu seperti dalam Jadual 8 di bawah. Hasil ujian ini mendapati nilai p adalah signifikan ($F(2,553) = 5.897$, $p = 0.00$, $p < 0.05$) bagi pemboleh ubah tahap sikap. Keputusan ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan skor min sikap terhadap pelantikan wasi dalam kalangan responden berdasarkan status perkahwinan yang berbeza.

JADUAL 8: Keputusan Ujian ANOVA sehalu Bagi Perbezaan Tahap Sikap Berdasarkan Status Perkahwinan

Punca Variasi	JKD	dk	MKD	F	Sig. P
Sikap					
Antara Kumpulan	2.471	2	1.235	5.897	.003*
Dalam Kumpulan	115.856	553	.210		
Jumlah	118.327	555			

* Signifikan pada aras $p < 0.05$

Bagi menentukan status perkahwinan yang manakah berbeza serta menyumbang kepada perbezaan ini, ujian post-hoc LSD telah dilaksanakan seperti dalam Jadual 9 di bawah. Hasil ujian post-hoc menunjukkan bahawa perbezaan signifikan bagi sikap disumbangkan oleh responden telah berkahwin (min=4.13, s.p=0.45) dengan responden yang masih bujang (min=3.99, s.p=0.45). Walau bagaimanapun skor min responden yang sudah berkahwin (min=4.13, s.p=0.45) dengan responden berstatus janda atau duda (bercerai) (min=4.24, s.p=0.51) tiada menunjukkan perbezaan yang signifikan ke atas sikap mereka terhadap pelantikan wasi(Lihat Jadual 10). Ini bermakna bahawa status berkahwin mempengaruhi tahap sikap terhadap sistem pelantikan wasi yang semakin baik berbanding sebaliknya.

JADUAL 9: Hasil Ujian Post-Hoc LSD Bagi Perbezaan Tahap Sikap Terhadap Pelantikan Wasi Berdasarkan Status Perkahwinan

Status Perkahwinan	Status Perkahwinan	Perbezaan Min	Ralat Piawai	Sig. P
Bujang	Berkahwin	-.145*	.045	.001
	Janda/Duda	-.247	.133	.063
Berkahwin	Bujang	.145*	.045	.001
	Janda/Duda	-.102	.129	.428
Janda/Duda	Bujang	.247	.133	.063
	Berkahwin	.102	.129	.428

*Signifikan pada aras $p < 0.05$

JADUAL 10: Taburan Tahap Sikap Terhadap Pelantikan Wasi Berdasarkan Status Perkahwinan Pencarum

	Umur	Bilangan (N)	Skor Min	Sisihan piawai
Sikap	Bujang	143	3.99	.458
	Berkahwin	400	4.13	.456

Janda/duda	13	4.24	.510
Jumlah	556	4.10	.462

Ujian ANOVA sehalu seterusnya dilaksanakan untuk mengenal pasti sekiranya wujud perbezaan tahap dorongan sosial dalam kalangan responden berdasarkan status perkahwinan. Bagi mendapatkan jawapan bagi kajian ini, persoalan kajian di bawah telah dijalankan:

Soalan 6: Apakah terdapat perbezaan dorongan sosial terhadap pelantikan wasi yang signifikan berdasarkan status perkahwinan pencarum KWSP?

Hasil analisis ANOVA sehalu seperti dalam Jadual 11 di bawah. Hasil ujian ini mendapati nilai p adalah signifikan ($F(2,553) = 4.756$, $p = 0.01$, $p < 0.05$) bagi pemboleh ubah tahap dorongan sosial terhadap pelantikan wasi. Oleh itu, keputusan ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan tahap dorongan norma sosial dalam kalangan responden berdasarkan status perkawinan yang berbeza.

JADUAL 11: Keputusan Ujian ANOVA Sehalu Bagi Perbezaan Tahap Dorongan Sosial Berdasarkan Status Perkahwinan

Punca Variasi	JKD	dk	MKD	F	Sig. P
Status Perkahwinan					
Antara Kumpulan	3.690	2	1.845	4.756	.009*
Dalam Kumpulan	214.548	553	.388		
Jumlah	218.239	555			

* Signifikan pada aras $p < 0.05$

Bagi menentukan status perkahwinan yang manakah berbeza serta menyumbang kepada perbezaan ini, ujian post-hoc LSD telah dilaksanakan seperti dalam Jadual 12 di bawah. Hasil ujian post-hoc menunjukkan bahawa perbezaan signifikan bagi tahap dorongan sosial diperolehi oleh responden yang berkahwin ($\min = 3.88$, $s.p = 0.58$) dengan responden yang bujang ($\min = 3.69$, $s.p = 0.69$). Manakala responden yang janda atau duda ($\min = 3.79$, $s.p = 0.81$) tiada menunjukkan perbezaan yang signifikan secara statistik dengan responden yang berkahwin ($\min = 3.88$, $s.p = 0.58$) dan masih bujang ($\min = 3.69$, $s.p = 0.69$) (Lihat Jadual 13).

JADUAL 12: Hasil Ujian Post-Hoc LSD Bagi Perbezaan Tahap Dorongan Sosial Berdasarkan Status Perkahwinan

Status Perkahwinan	Status Perkahwinan	Perbezaan Min	Ralat Piawai	Sig. P
Bujang	Berkahwin	-.187*	.061	.002
	Janda/duda	-.094	.180	.601

Berkahwin	Bujang	.187*	.061	.002
	Janda/duda	.092	.176	.600
Janda/duda	Bujang	.094	.180	.601
	Berkahwin	-.092	.176	.600

*Signifikan pada aras $p < 0.05$

JADUAL 13: Taburan Dorongan Sosial Terhadap Pelantikan Wasi Berdasarkan Status Perkahwinan Pencarum

	Umur	Bilangan (N)	Skor Min	Sisihan piawai
Dorongan Sosial	Bujang	143	3.69	.696
	Berkahwin	400	3.88	.588
	Janda/duda	13	3.79	.814
	Jumlah	556	3.83	.627

6. PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Kajian ini bertujuan untuk memahami perbezaan sikap terhadap pelantikan wasi yang sebenar berdasarkan faktor jantina (lelaki dan perempuan), umur (30 tahun kebawah, 31 – 40 tahun, 41 – 50 tahun dan 51 tahun ke atas) dan status perkahwinan (bujang, berkahwin dan bercerai) dalam kalangan pencarum KWSP beragama Islam. Di samping itu juga, kajian ini juga untuk melihat perbezaan tahap dorongan sosial terhadap pelantikan wasi turut dijalankan berdasarkan jantina, umur dan status perkahwinan pencarum.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara sikap dan dorongan sosial terhadap pelantikan wasi dalam kalangan pencarum lelaki dan perempuan. Walau bagaimanapun dapatan kajian ini adalah tidak selari dengan kajian oleh Rowlingson dan McKay (2005) yang menyatakan bahawa faktor jantina mempunyai perbezaan dalam aspek penulisan dokumen wasiat. Namun kajian mereka tidak tertumpu kepada aspek sikap dan pendedahan dorongan sosial terhadap penulisan dokumen wasiat secara langsung.

Bagaimanapun, hasil kajian ini telah mendapati terdapat perbezaan sikap terhadap pelantikan wasi berdasarkan umur dalam kalangan pencarum Muslim di KWSP. Responden yang berumur 31 tahun ke atas mempunyai sikap yang lebih positif berbanding responden berumur 30 tahun ke bawah terhadap pelantikan wasi bagi mentadbir wang simpanan KWSP selepas kematian mereka nanti. Faktor kekerapan terdedah kepada ancaman dan kematian, memiliki anak dan tahap kesihatan dalam peringkat kitaran kehidupan yang berbeza mungkin lebih banyak memotivasikan mereka untuk melantik wasi bagi memudahkan pengurusan harta pusaka yang ditinggalkan. Oleh itu, dapatan kajian ini telah menyokong kajian yang dilakukan oleh Suhaili Alma'amun (2012) dan Horkey dan Hayhoe (2007). Namun, hasil kajian ini menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan secara statistik ke atas tahap dorongan sosial terhadap pelantikan wasi

berdasarkan umur yang berbeza. Hasil kajian ini menyokong dapatan kajian sebelum ini yang dijalankan oleh Horkey (2009).

Selain itu, kajian ini juga telah mendapati terdapat perbezaan yang signifikan bagi sikap dan dorongan sosial terhadap pelantikan wasi berdasarkan status perkahwinan yang berbeza dalam kalangan pencarum Muslim. Hasil kajian mendapati pencarum yang berkahwin mempunyai sikap yang lebih positif terhadap pelantikan wasi yang sebenar berbanding mereka yang masih bujang atau bercerai. Begitu juga mereka berkahwin lebih mudah terbuka untuk menerima pendapat, nasihat, dorongan dan maklum balas daripada pasangan, ibu bapa, rakan-rakan dan guru agama terhadap pelantikan wasi berbanding sebaliknya. Hasil kajian ini mengesahkan kajian lalu yang dijalankan oleh Brooker (t.th.).

Kesimpulannya, kajian ini mendapati faktor jantina bukanlah indikator kepada perubahan sikap dan pendedahan dorongan sosial terhadap pelantikan wasi ke atas wang simpanan KWSP. Namun, status perkahwinan mampu memberikan impak ke atas sikap dan dorongan sosial terutamanya ke atas pencarum yang berkahwin mempunyai sikap yang lebih positif dan terbuka untuk menerima pandangan dan nasihat daripada orang lain. Peranan perkahwinan kebiasaannya akan melahirkan zuriat dan berlakunya komunikasi yang baik dan berterusan di antara pasangan mampu mendorong seseorang untuk melantik wasi yang sebenar. Iklim perkahwinan yang sakinah dan mawaddah amat bermakna meningkatkan kesediaan pelantikan wasi dalam pentadbiran harta perwarisan yang terancang. Justeru, semua pihak yang bertanggungjawab perlu memainkan peranan dalam mewujudkan alam perkahwinan yang harmoni dan sejahtera.

RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim

News Straits Time. (9 November 2003).

Abdul Aziz Hassan & Yusmawati Yusop. (2006). perancangan harta di ZAR Perunding Pusaka Sdn. Bhd. In M. Siti Mashitoh, *Harta amanah orang Islam di Malaysia perspektif undang-undang dan pentadbiran* (pp. 149-170). Kuala Lumpur.

Ajzen I. (2005). *Attitudes, Personality and Behavior* (Second edition ed.). New York, USA: Open University Press.

Ajzen, I. & Fishbein, M. (1980). *Understanding attitudes and predicting social behavior*. Englewood Cliffs, N.Z: Printice-Hall.

Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Process*, 50(2), 179-211.

- Berita Harian. (2010, Jun 25). *Elak keluarga bertelingkah rebut pusaka*. Amanah Raya Berhad.
- Brooker, S. (n.d.). *Finding the Will: A Report on Will-Writing Behavior in England and Wales*. Retrieved Ogos 2013, 12, from National Consumer Council:
http://www.simplywills.org/Portals/0/NCCReport_Tracking_Time_Bomb.pdf
- Dewan Masyarakat. (2007, Julai). p. hlm. 36.
- Edwards, K. (1991). Planning for family asset transfers. *Financial Counseling and Planning*, 2, 55-78.
- Ezani Yaakob (2006). *Fiqh Pengurusan Harta Si Mati dan Wasiat: Teori dan Praktis*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM.
- Farizan Kamaluddin. (2012, Disember 11). Amalan Sistem Pelantikan KWSP. (Mohd Musa Sarip, Interviewer)
- Fishbein, M., & Ajzen, I., (1975). *Belief, Attitude, Intention and Behavior: An Introduction to Theory and Research: Reading*. MA: Addison-Wesley.
- Hair, J.F., Black, W.C., Babin, B.J., Anderson, R.E., & Tatham, R.L. (2006). *Multivariate Data Analysis* (Sixth ed.). New Jersey: Pearson International Edition.
- Harian Metro. (2011, Julai 29). Setempat. *RM120j harta tak dituntut*, hlm. 53A.
- Hizwani Hassan. (2009, September 6). Sistem Penama KWSP. (T. Malaysia Hari Ini, Interviewer)
- Horkey, C. & Hayhoe, C. (2007). Older adults in Virginia with estate planning. *Proceedings of the Association for Financial Counseling, Planning, and*, (pp. 133-142). USA.
- Horkey, C. (2009). *Estate planning Documents In Virginia Among Adults 50 And Over With At Least One Adult Child*. Virginia: Virginia Polytechnic Institute and State University.
- Jasni Sulong. (2011). *Pembaharuan undang-undang pentadbiran pusaka Islam*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Kamil Md Idris, & Ahamd Mahdzan Ayob., (2002). Peranan sikap dalam gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji. *Analisis*, 9(1&2), 171-191.
- Mohd Ridzuan Awang. (1994). *Undang-undang tanah Islam: pendekatan perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd Ridzuan, A. (2008). Pengurusan pusaka dan wasiat orang Islam di Malaysia. *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat dan Wakaf* (pp. 1-31). Bangi: Jabatan Syariah, UKM.
- Mohd Salleh Leban. (1994). *Asas Psikologi Perkembangan*. t.tpt.: Utusan Publications Sdn Bhd.
- Mueller, D. (1986). *Measuring Social Attitudes*. New York: Teachers Collage.
- Muhamad Muda, Syahidawati Shahwan & Norhidayah Ibrahim,. (2008). Faktor Penglibatan Muslim dalam Amalan Wasiat: Satu Kajian Awalan. *Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat dan Wakaf* (pp. hlm. 247-262). Bangi: Jabatan Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Narizan Abdul Rahman. (2006). Pentadbiran Harta Amanah Orang Islam: Tinjauan kepada harta penama. In Siti Mashitoh Mahamood, *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia* (pp. 209-223). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Naziree Md Yusof. (2008). Hukum Wisoyah & Realitinya Permasalahannya Dalam Konteks Perancangan Pusaka Islam. *Jurnal Muamalat*. Bil 1
- Neuman, W. (2000). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches* (Fourth Edition ed.). United States: Pearson.
- Oskamp, S. (1991). *Attitudes and Opinions (2nd ed.)*. Englewood Cliffs: Prentice-Hall.
- Ostrom, T. (1969). The relation between the effective, behavioral and cognitive components of attitude. *Journal of Experimental Social Psychology*, 5, 12-30.
- Palmer, L., Bhargava, V., & Hong, G. (2006). Will adoption and life events among older. *Financial Services Review*, 15, 281-295.
- Ram AlJaffri Saad, Kamil Md Idris & Zainol Bidin. (2009). Peraturan Pembayaran Zakat Kepada Institusi Zakat: Sikap Peniaga dan Kesannya Terhadap Gelagat Pembayaran Zakat Perniagaan. *Jurnal Syariah*, 607-630.
- Suhaida Abu Bakar. (2010). *Pelantikan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Tabung Haji: Satu kajian menurut undang-undang Islam (Tesis Sarjana)*. Bandar Baru Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Suhaili Alma'amum. (2010). *Islamic Estate Planning: Analysing The Malaysian Perceptions On Wasiyyah (Will) And Bequest Practicies*. Tesis PhD: Durham University.
- Utusan Malaysia. (2011, Mac 30). *RM42b harta dibeku*